

Faktor ketinggian pengaruhi psikologi kanak-kanak

SELAIN daripada masalah kesihatan, kanak-kanak bertubuh lebih rendah berbanding rakan-rakan seusia mereka berkemungkinan menghadapi cabaran dari aspek fizikal dan sosial.

Mereka mungkin tidak dilibatkan untuk memainkan peranan atau menggalas jawatan penting di sekolah mahupun menyertai aktiviti sukan tertentu yang memerlukan kekuatan tubuh.

Pakar Psikologi Klinikal dan

Ketua Jabatan Psikiatri, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia Prof. Madya Dr. Firdaus Mukhtar berkata, golongan itu turut berpotensi menjadi mangsa buli atau ejekan di sekolah serta mempunyai keyakinan diri yang rendah.

“Profesional penjagaan kesihatan, penjaga dan pendidik perlu memberi perhatian khusus kepada kesejahteraan psikologi, emosi serta fizikal kanak-kanak bertubuh rendah.

perhatian khusus kepada kesejahteraan psikologi, emosi serta fizikal kanak-kanak bertubuh rendah.



FIRDAUS

“Tbu bapa juga perlu memainkan peranan proaktif dalam memantau pertumbuhan anak-anak mereka. Jika perlu, dapatkan rawatan sesuai pada tahap paling awal. Adalah penting untuk menghasilkan persekitaran positif bagi memastikan kestabilan mereka semasa menjalani rutin perubatan.

“Selain itu, berikan layanan terbaik kepada anak-anak anda pada tahap permulaan untuk mencungkil potensi mereka secara optimum dalam kehidupan,” ujarnya kepada pemberita pada kempen Bukan Sekadar Ketinggian Tapi Juga Kesihatan di Kuala

Lumpur baru-baru ini.

Tambah beliau, berdasarkan pengalamannya, kanak-kanak bertubuh rendah menghadapi cabaran dari aspek perkembangan psikomotor iaitu berkaitan dengan pergerakan anggota tubuh dan kemahiran visual motor yang membantu mereka meniru perbuatan yang dilihat.

Katanya, apabila dewasa kelak, mereka turut dikhuatiri menghadapi kesulitan untuk memulakan perhubungan atau kerjaya yang diminati terutamanya yang menitikberatkan aspek penampilan fizikal.